

Berkorban untuk parti minoriti — PM

Oleh G. MANIMARAN
dan P. BALA KUMAR

KUALA LUMPUR 5 Mac — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menasihatkan parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) yang mempunyai pengundi majoriti dalam sesebuah kawasan pilihanraya supaya bersedia mengorbankannya kepada anggota gabungan daripada kumpulan pemilih minoriti.

Perdana Menteri berkata amalan bertolak ansur itu penting bagi memastikan BN memperolehi kejayaan dua pertiga dalam pilihanraya umum akan datang.

Beliau yang juga Pengerusi BN berkata parti-parti seperti UMNO, MCA dan Gerakan yang masing-masing mempunyai pengundi majoriti di bahagian-bahagian pilihanraya tertentu terpaksa menyerahkan kawasan itu kepada parti minoriti seperti MIC dan sebagainya.

“Ini (pengorbanan) membuktikan kerjasama sehingga sanggup menyerahkan kawasan majoriti orang Melayu dan kawasan majoriti Cina kepada MIC supaya MIC boleh bertanding,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Konvensyen Raksasa MIC di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Perhimpunan tersebut yang dihadiri oleh lebih 3,000 ahli parti dari seluruh negara diadakan sebagai langkah menjelaskan strategi-strategi menghadapi pilihanraya umum yang kesembilan.

Perdana Menteri berkata walaupun komponen yang mempunyai pengundi majoriti menyerahkan kawasan masing-masing kepada parti-parti komponen yang tiada majoriti pengundi, apa yang penting ialah setiap anggota BN berusaha memastikan kemenangan setiap calon.

■Lihat muka 2

Berkorban untuk parti minoriti — PM

Kata beliau, memandangkan masyarakat India adalah golongan minoriti, untuk mencapai kemenangan, ia hendaklah mendapat sokongan daripada parti-parti komponen termasuk UMNO, MCA dan Gerakan dan begitulah sebaliknya.

“Yang pentingnya bukanlah undi majoriti kaum yang ada tetapi sokongan daripada kaum-kaum lain adalah penting.

“Kita memberi sokongan kerana di tempat lain kita dapat sokongan orang lain sehingga membolehkan mendapatkan sokongan dua pertiga,” katanya.

Perdana Menteri menjelaskan, parti-parti komponen perlu memainkan peranan tersebut atas prinsip “awak tolong saya, saya tolong awak”.

Beliau juga mengingatkan ahli-ahli MIC supaya bekerja kuat untuk memastikan kejayaan calon-calon BN seolah-olah mereka adalah calon daripada parti itu sendiri.

Dr. Mahathir yang menekankan tentang sikap keikhlasan yang diamalkan oleh BN berkata, pembangkang yang membuat pakatan seperti Gagasan Rakyat dan Angkatan Perpaduan Ummah dalam pilihanraya gagal kerana lebih mengutamakan kepentingan diri.

“Pada 1990, berlaku di mana bekas ahli UMNO cuba membentuk parti lawan iaitu, Gagasan dan APU tetapi gagal kerana tiada keikhlasan. Terlalu sangat perdagangan kerana kepentingan diri,” katanya.

Menurut beliau, kerjasama antara parti-parti komponen BN seharusnya dikekalkan semata-mata bagi menjamin pembangunan dan kestabilan politik yang berterusan.

“Ini adalah hasil dasar BN dan dulunya Perikatan. Satu konsep politik yang unik dalam dunia, yang mana kita adalah satu pertubuhan politik yang berdasarkan campuran politik yang terdiri daripada pertubuhan politik kaum-kaum.

“Di dalam BN, kita boleh membahaskan masalah-masalah antara kita dan masalah negara dalam keadaan tenang dan menyelesaikan secara tersusun dan teratur dan bukan dengan cara mengadakan tunjuk perasaan,” katanya.

Kata beliau, menerusi dasar dan sistem BN membolehkan setiap parti bekerjasama secara bermakna dan menitikberatkan masalah setiap kaum.

“Saya akui ada yang masih yang tidak puas hati tetapi tidaklah sehingga sanggup mencetuskan huru-hara. Sebab itu, konsep BN harus

didokong oleh semua parti komponen BN.

“Kerana konsep ini membolehkan kita mentadbir negara ini dengan cara yang berjaya dan berkesan,” katanya.

Perdana Menteri juga berkata konsep yang diamalkan oleh BN selama ini adalah berbeza daripada negara-negara lain kerana gabungan yang dibuat atas dasar kerjasama sejak dulu lagi dan bukannya ketika pilihanraya.

Mengenai persiapan menghadapi pilihanraya, beliau berkata parti-parti komponen seharusnya bersiap sedia untuk menghadapi pembangkang secara habis-habisan sebaik sahaja Parlimen dibubarkan.

Menurut beliau, BN memerlukan kemenangan majoriti dua pertiga bagi menubuhkan sebuah kerajaan kukuh dan disegani di arena antarabangsa.

“Kita memerlukan sebuah kerajaan yang kuat untuk melaksanakan segala dasar yang akan membawa banyak kemakmuran kepada negara supaya kita sebagai rakyat Malaysia dihormati oleh dunia, ini adalah misi kita,” katanya.